



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (23)
Tarikh : 12 SEPTEMBER 2019

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI INOVASI DAN MAJLIS PERLANCARAN APLIKASI MyWC

PUTRAJAYA, 12 September 2019 – Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menganjurkan Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2019. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamarudin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam majlis yang sama, beliau telah merasmikan aplikasi mudah alih MyWc (*My Water Closet*). MyWc dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) untuk membantu orang awam dalam carian tandas-tandas awam berpandukan fungsi GPS dan berdasarkan jarak tandas awam tersebut dari pengguna.

MyWc juga membolehkan pengguna mendapatkan maklumat tandas berdasarkan penarafan bintang, tandas berbayar dan tandas tidak berbayar. Pengguna juga dapat mengetahui mengenai kemudahan lain yang terdapat di setiap tandas seperti keperluan orang kurang upaya (OKU) dan kemudahan bilik tukar lampin bayi. Aplikasi ini menggunakan data yang diperoleh daripada pengkala data asas yang dinamakan Daftar Tandas Awam Seluruh Malaysia atau DATAM.

Sebanyak 2625 buah tandas yang telah dimuat naik ke aplikasi MyWC yang merangkumi tandas-tandas awam milik PBT, perhentian awam, sekolah, restoran, stesen minyak, kawasan pelancongan, pusat membeli belah dan pejabat kerajaan di seluruh negara.

Statistik tahun 2018 menunjukkan sebanyak 98% tandas awam secara keseluruhannya telah mencapai penarafan tiga (3) bintang dan ke atas. Keadaan ini mempamerkan peningkatan sebanyak 30% berbanding tahun sebelumnya. Bagi memastikan perkara ini berterusan, semua PBT adalah diminta untuk melaksanakan penarafan bintang tandas awam di kawasan seliaan masing-masing untuk memastikan tandas awam sentiasa bersih, selesa dan selamat digunakan. Ia juga adalah sejajar dengan teguran YAB Perdana Menteri sendiri yang menyifatkan tandas awam di Malaysia sebagai 'memalukan'.

Selain MyWC, KPKT turut berjaya memperkenalkan aplikasi mobil yang lain seperti i-Tegur, i-Gadaian dan i-KrediKom. Kesemua aplikasi ini membuktikan bahawa warga KPKT berusaha untuk melaksanakan inovasi dalam melunaskan tanggungjawab dan fungsi kementerian dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Sambutan Hari Inovasi KPKT bagi tahun 2019 membawa tema “Memperkasa Inovasi Ke Arah Kesejahteraan Komuniti”. Tema ini dipilih bersesuaian dengan Dasar Komuniti Negara yang merupakan fokus utama kementerian untuk melibatkan masyarakat dalam pembangunan komuniti. Sambutan Hari Inovasi juga dianjurkan untuk memberi galakan kepada anggota perkhidmatan awam supaya berfikiran kreatif, kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab sehingga menjangkau keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baharu di luar kotak kelaziman.

Bagi mengiktiraf sumbangan warga KPKT dalam penghasilan idea kreatif dan inovatif, sembilan anugerah telah disampaikan dalam majlis ini iaitu :-

1. Anugerah Inovasi Menteri (AIM) 2019.
2. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2019.
3. Anugerah Pameran Terbaik 2019.
4. Anugerah Ketua Kumpulan Terbaik 2019.
5. Anugerah Persembahan terbaik 2019.
6. Hadiah Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT 2019.
7. Anugerah Video Inovasi Terbaik 2019.
8. Anugerah Projek Mini Inovasi 3R Terbaik 2019.
9. Anugerah Khas Kreatif dan Inovasi 2019.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah kementerian ini terdapat tujuh Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Solid Waste Corporation Malaysia

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my